

kafe ahad

Masalah pencemaran air bagaikan tidak bernoktah dan memburukkan keadaan, ada pihak mengambil jalan mudah membuang sisa toksid di tempat tidak sepatutnya.

Pelbagai janji ditabur banyak pihak untuk mengatasi masalah ini namun hingga kini, ia umpama 'menanam tebu di bibir mulut'.

Akta sedia ada malah cadangan penggubalan akta sedia ada turut dikemukakan namun hingga kini, isu pencemaran air masih berlarutan.

Apa silapnya dan ke mana hala tuju isu ini sebenarnya.

Ikuti wawancara wartawan, NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN, juruvideo, SAIFUL ISKANDAR ISMAIL dan jurugambar, SAIFULLIZAN TAMADI bersama Pensyarah Kanan Pengurusan Sumber Akuatik, Kualiti Air dan Pengurusan Tasik, Fakulti Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) DR MOHD YUSOFF ISHAK bagi mengupas isu ini.



PENCEMARAN BEKALAN AIR

'SEMUA PIHAK BERSALAH'

Pencemaran sungai berlarutan sejak puluhan tahun. Salah siapa sebenarnya, agensi kerajaan atau pihak yang ambil kesempatan?

Saya berpendapat semua pihak bersalah kerana membiarkan isu pencemaran ini berlarutan sejak sekian lama.

Ini merujuk kepada kegagalan pihak berkuasa dalam memastikan keutuhan ekosistem sungai yang menjadi punca bekalan air mentah agar terpelihara, seiring kesesatan sektor industri dan pertumbuhan populasi penduduk.

Pada masa sama, perlu melihat sikap masyarakat itu sendiri kerana terlalu mengambil mudah dengan bekalan air terawat yang dibekalkan ke rumah mereka.

Segelintir pihak pula lebih mementingkan keuntungan berbanding menjalankan tanggungjawab menjaga alam sekitar dan sungai yang menjadi sumber bekalan air kepada pengguna.

Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 memperuntukkan, pihak didapati bersalah mencemarkan sistem bekalan air hingga menyebabkan kematian manusia boleh dihukum mati atau penjara sehingga 20 tahun dan sebatan. Setakat ini, tiada yang menerima hukuman maksimum?

Hukuman berat yang diperuntukkan dalam akta ini sudah mencukupi. Namun, terdapat lompong besar dalam mensabitkan kesalahan pelaku.

Pendekatan forensik alam sekitar perlu diguna pakai dalam kes pencemaran ini agar dapat memperkukuh bukti pendakwaan dan seterusnya mensabitkan pelaku.

Selepas tiga episod serius pencemaran sungai berlalu, kegagalan mengenal pasti pelaku adalah amat mendukacitakan.

Sehingga kini, tiada seorang pun penjenayah alam sekitar yang berjaya disabitkan dengan kesalahan walaupun beberapa suspek sudah disoal siasat.

Ini bermakna masih terdapat kekurangan daripada segi pembuktian untuk mensabitkan kesalahan di bawah Seksyen 121 akta berkenaan.

Pihak yang mencemarkan sungai dan sebagainya tidak takut kerana tahu mereka sukar ditahan kerana penguatkuasaan lemah?

Sememangnya aspek penguatkuasaan boleh dipertingkatkan di sebalik semua kekangan yang ada.

Penggunaan dron contohnya, mampu menghalang niat jahat pelaku.

Pendekatan data raya boleh diguna pakai dalam merangka strategi memantau kawasan panas di sepanjang sungai yang sering kali dicemari bahan sisa.

Namun, perlu ada penekanan mengenai cara bagaimana memastikan pelaku dapat disabitkan dengan kesalahan berdasarkan bukti dan keterangan secara saintifik.

Selain itu, beban pembuktian memerlukan bukti bahawa pihak didakwa mempunyai niat untuk melakukan pencemaran semasa jenayah ini dilakukan dan dilihat sukar membuktikan kewujudan kes berkenaan.

Ciri-ciri bahan cemar itu sendiri yang mudah berubah sifat dan bentuk turut mengekang kejayaan dalam pendakwaan dan penguatkuasaan.

Kita harus sedar bahawa pihak yang sering melakukan pencemaran alam sekitar bukanlah calang-calang.

Mereka sangat licik, mempunyai modal dan sentiasa selangkah terkehadapan berbanding anggota penguat kuasa.

Malah mereka juga mempunyai rangkaian yang luas, mahir dan cukup terancang dalam melaksanakan agenda masing-masing.

Wajar atau tidak jika agensi kerajaan bertoleransi dengan pihak yang mencerooboh kawasan tertentu secara haram hingga menyebabkan pencemaran air dan sebagainya?

Sememangnya agensi kerajaan tidak bertoleransi dengan pihak yang mencerooboh kawasan yang saya kategorikan sebagai strategik seperti rizab sungai dan sebagainya.

Namun, kekangan dihadapi sebelum ini termasuk campur tangan politik.

Adalah menjadi harapan kita agar tiada lagi tangan ghaib yang menghalang agensi kerajaan dalam melaksanakan amanah diberikan.

Ini demi memastikan tiada lagi rakyat terpaksa menanggung akibat daripada perbuatan segelintir pihak yang melakukan pencemaran.

Kita percaya agensi penguat kuasa sentiasa melakukan pemantauan terutama di kawasan muka sauk sungai.

Namun mungkin kerana kekangan logistik dan pertindihan bidang kuasa menyebabkan ada kawasan yang terlepas pandang.

Sehubungan itu, kita berharap agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan pihak berkuasa tempatan iaitu Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dapat berkongsi maklumat dan kepakaran bagi memastikan sungai sebagai sumber air kekal selamat.

Contoh yang boleh dilihat ialah kerjasama antara Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam isu pemburu haram di hutan kita.

Model yang sama boleh diguna pakai dengan melibatkan agensi seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Suka-relawan Malaysia (RELA) dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) atau persatuan penduduk bagi sungai yang berhampiran.

Bila berlaku gangguan atau pencemaran air, maka bermulalah episod tuding-menuding seolah-olah tiada yang mahu ambil tanggungjawab untuk menyelesaikannya?

Ini berlaku disebabkan kita terlalu melihat masalah pencemaran air daripada ruang lingkup undang-undang Kerajaan Persekutuan mahupun negeri.

Kes terkini di Sungai Semenyih menyaksikan Indah Water Konsortium (IWK) dituduh sebagai punca kepada pencemaran.

Walhal, siasatan seterusnya mendapati terdapat pihak ketiga yang melupuskan sisa minyak ke dalam lurang yang mengalir ke loji IWK.

Lebih ramai pihak perlu dilibatkan dalam menguruskan sungai dan tidak hanya JAS semata-mata.

Contoh, industri yang berpotensi mencemar sungai perlu dibawa berbincang untuk mengenal pasti bagaimana sisa industri ini boleh diberi nilai tambah.

Kos untuk melupuskan sisa adalah tinggi dan berkemungkinan pihak industri mengambil jalan mudah dengan melakukan pelupusan yang tidak sempurna.

Namun, terdapat alternatif berdasarkan konsep pengurusan sisa yang bermula dengan langkah pengurangan sisa, guna semula sisa, kitar semula sebelum pilihan terakhir diambil iaitu menghantar sisa ke tapak pelupusan.

Banyak syarikat mengguna pakai kaedah ini dalam pengurusan minyak masak terpakai.

Langkah proaktif dalam menguruskan sisa ini setidaknya dapat mengurangkan kemungkinan berlaku lagi pencemaran yang sama pada masa akan datang.

Puluhan ribu malah ada kalanya ratusan ribu pengguna terjejas akibat masalah pencemaran serta kekurangan bekalan air. Ia berlaku pada setiap masa. Mengapa ia berterusan hingga kini?

Jelas sekali, pelaku tidak pernah gentar dengan hukuman di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Denda yang bakal dikenakan hanyalah RM10,000 jika sabit kesalahan.

Sedangkan kos untuk menganalisis sampel sisa pencemaran lebih tinggi berbanding nilai denda itu.

Persoalannya, berapa ramai pesalah didakwa dan berapakah peratusan kes yang berjaya disabit semasa di mahkamah?

Mengambil contoh kes pencemaran Sungai Kim Kim di Johor, keraguan ini adalah munasabah.

Masalah bekalan air di Malaysia semakin meruncing sebenarnya?

Ada dua aspek yang perlu dilihat iaitu pengurusan bekalan dan permintaan air.

Cabaran dalam menguruskan permintaan air termasuklah jumlah penggunaan air yang semakin meningkat.

Selain faktor pertumbuhan penduduk, rakyat Malaysia secara amnya menggunakan air secara tidak berhemat malah melebihi purata penggunaan air yang disarankan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

Puncanya disebabkan subsidi kos rawatan pantas menjadikan harga air sangat murah.

Kita perlu mengubah sikap dengan mengurangkan penggunaan air yang berlebihan.

Manakala cabaran menguruskan sumber bekalan air semakin hebat. Ini kerana kita bergantung hampir 80 peratus kepada air larian permukaan seperti sungai sebagai sumber bekalan air mentah.

Beberapa langkah proaktif dengan menjadikan kolam bekas lombong sebagai sumber alternatif air mentah sudah dan sedang dilaksanakan.

Disarankan supaya keseluruhan sungai bermula dari empangan sehingga ke muka sauk loji rawatan air diwartakan sebagai kawasan strategik negara secara berperingkat dengan dipantau secara bersama oleh pelbagai agensi.